

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

16. Berapakah jumlah Projek *Urban Farming* dalam kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
- (a) Senaraikan perancangan bagi menggalakkan *Urban Farming* di Pulau Pinang.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Untuk makluman, projek pertanian bandar atau *urban farming* di Daerah Barat Daya dan Daerah Timur Laut, dipantau oleh Pejabat Pertanian Daerah. Berikut ialah bilangan, agihan peruntukan dan kategori projek *urban farming* di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada tahun 2019:

Kategori Projek	Bilangan Projek mengikut Kategori	Bil. Peserta (orang)	Peruntukan (RM)
1. Individu	10	100	11,142.00
2. Komuniti	10	100	27,267.00
3. Sekolah	5	105	14,539.00
4. Institusi	1	20	2,484.00
JUMLAH	26	325	55,432.00

Terdapat sebanyak tiga (3) kawasan MBPP yang dijalankan projek *Urban Farming* secara bersama seperti berikut:-

Bil.	Tempat	Agensi/DII	Tarikh Mula Program/ Penyewaan	Jenis Aktiviti
1.	Lot 9764, Lebuh Nipah	<ul style="list-style-type: none"> • MBPP • Jabatan Pertanian Negeri • Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Nibong • Kariah Surau An Nur • MPKK Sungai Dua 	01.04.2018	Tanaman cili, bayam, terung, bendi, jagung, timun
2.	Lot 12840, Taman Sunway Tunas	<ul style="list-style-type: none"> • MBPP • Jabatan Pertanian Negeri • MPKK Taman Sunway Tunas • Komuniti setempat 	28.04.2019	Tanaman cili, bayam, terung, kangkung, bendi, sawi, nenas
3.	St. George's Girls' School, Jalan Macalister, George Town, 10450 P.Pinang	<ul style="list-style-type: none"> • MBPP • Jabatan Pertanian Negeri • Sekolah 	27.07.2019	Tanaman cili, bayam, terung
4.	Sebahagian Lot 1571, Jalan Sungai, Seksyen 9W, George Town, Pulau Pinang (Taman Sri Pinang)	Disewa oleh Pusat Khidmat ADUN Sungai Pinang	01.10.2016	Aktiviti perkebunan dijalankan

5.	Sebahagian Lot 2022, Jalan Padang Tembak, Seksyen 2, Bandar George Town, Pulau Pinang	Disewa oleh MPKK Kampung Bahru	01.05.2018	Aktiviti perkebunan dijalankan
6.	Sebahagian Lot 2124, Jalan Padang Tembak, Seksyen 2, Bandar George Town, Pulau Pinang	Disewa oleh MPKK Kampung Bahru	01.10.2017	Aktiviti perkebunan dijalankan
7.	PT 76, Tanjung Park 1, Mukim 18, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Disewa oleh MPKK Jalan Gajah	01.12.2018	Aktiviti perkebunan dijalankan
8.	1534, Medan Lim Cheng Teik, Seksyen 4, Bandar George Town, Pulau Pinang	Disewa oleh MPKK Kampung Herriot	01.01.2020	Penyewaan ditawarkan

(a) Antara perancangan yang akan dan telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri bagi menggalakkan pertanian bandar (*urban farming*) ialah:

(i) Melaksanakan Program Pertanian Bandar mengikut kategori projek iaitu projek individu, komuniti, sekolah dan institusi dengan kadar tertentu melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Untuk makluman, Jabatan Pertanian Negeri telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM200,000.00 pada tahun 2020 bagi perlaksanaan Program Pertanian Bandar dan sejumlah RM100,000.00 telah diagihkan kepada Daerah Barat Daya dan Timur Laut bagi perlaksanaan program ini. Sehubungan itu, pada tahun ini, pihak Jabatan merancang untuk menjadikan Daerah Barat Daya dan Timur Laut sebagai model projek bagi Program Pertanian Bandar kerana kedua-dua daerah ini mempunyai densiti infrastruktur dan pembangunan fizikal

yang padat serta sesuai dengan konsep pertanian bandar. Agihan peruntukan untuk Daerah Barat Daya dan Timur Laut mengikut kategori projek adalah seperti berikut:

Daerah	Kategori	Tahun 2020		
		Bil. Projek	Bil. Peserta	Peruntukan
Barat Daya/ Timur Laut	Individu	2	44	12,950.00
	Komuniti	10	206	51,475.00
	Sekolah	6	270	26,550.00
	Institusi	3	90	11,375.00
	JUMLAH	21	610	102,350.00

- (ii) Jabatan Pertanian Negeri akan bekerjasama dengan mana-mana komuniti atau agensi jika berminat untuk menjalankan program pertanian bandar. Sekiranya pemohon mempunyai tapak yang sesuai dan telah memperoleh kebenaran daripada pemilik tapak (jika berkenaan), pihak Jabatan akan untuk membangunkan projek pertanian bandar bersama pihak yang terlibat dan pemohon akan dibantu dari segi pemberian input pertanian permulaan dan khidmat nasihat teknikal berkenaan penanaman termasuk latihan.
- (iii) Selain itu, perancangan pihak Jabatan Pertanian Negeri juga adalah untuk menjalinkan kerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) supaya sesi penerangan mengenai program pertanian bandar dapat diadakan dan seterusnya mewujudkan satu projek pertanian bandar bagi setiap MPKK di negeri ini.
- (iv) Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri juga menjalankan hebahan dan kempen bagi tujuan ini selain peruntukan untuk memulakan projek.

- (b) Antara perancangan MBPP bagi menggalakan *Urban Farming* adalah seperti berikut:-
- (i) Mengiklankan penyewaan mana-mana tapak kosong yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak *Urban Farming*.
 - (ii) Memberi pertimbangan dengan sewajarnya bagi mana-mana MPKK yang memohon tanah MBPP untuk tujuan *Urban Farming* ini.
 - (iii) Membuat pendedahan kepada MPKK dengan cara memberi taklimat ringkas mengenai kaedah *Urban Farming* mengikut ketetapan yang dibenarkan oleh MBPP.